**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**
**TARIKH: 30 MEI 2017 (SELASA)**

| Bil | Tajuk | Akhbar |
|---|---|---|
| 1 | 8 Kementerian capai KPI 100% perkasa bumiputera | Utusan Malaysia |
| 2 | 8 kementerian capai KPI | Utusan Malaysia |
| 3 | Lapan kementerian capai KPI | Sinar Harian |
| 4 | 8 Kementerian capai sasaran 100 peratus KPI | Berita Harian |
| 5 | 8 Kementerian capai sasaran 100 peratus KPI di bawah Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera pada 2016 – PM Najib | Bernama.com |
| 6 | 8 Ministries achieve 10 percent KPI target under Bumiputera Economic Empowerment Programme | Bernama.com |
| 7 | 8 Ministries fully meet KPI target | New Straits Times |
| 8 | Eight ministries hit PEB KPI target | The Star |
| 9 | Soal pasaran tidak jadi masalah | Harian Metro |
| 10 | Financial Aid | New Straits Times |
| 11 | Sekam padi hasilkan bahan gantian silika | Harian Metro |
| 12 | 8 Ministries hit 100% KPI target | Nanyang Siang Pau |

**KERATAN AKHBAR**
**UTUSAN MALAYSIA (MUKA HADAPAN) : MUKA SURAT 1**
**TARIKH : 30 MEI 2017 (SELASA)**

# 8 kementerian capai KPI 100% perkasa bumiputera

- Lapan kementerian berjaya mencapai sasaran 100 peratus Petunjuk Prestasi Utama (KPI)
- KPI ditetapkan dalam Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (PEB) tahun lepas
- Antara pencapaian PEB apabila 63.8 peratus nilai anggaran kerja diperuntukkan kepada kontraktor bumiputera dalam projek lebuh raya

- Kementerian terbabit ialah:
  - Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar
  - Kementerian Dalam Negeri
  - Kementerian Luar
  - Kementerian Belia dan Sukan
  - Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air
  - Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
  - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
  - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BERITA DI MUKA 3



"Kita mengambil maklum bahawa 23 kementerian telah mencapai sekurang-kurangnya 90 peratus sasaran KPI yang telah ditetapkan."

**DATUK SERI NAJIB TUN RAZAK**
Perdana Menteri

**KERATAN AKHBAR**
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 3**
**TARIKH : 30 MEI 2017 (SELASA)**

Sasaran 100 peratus di bawah Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera

# 8 kementerian capai KPI

■ **PUTRAJAYA 29 MEI**

LAPAN kementerian berjaya mencapai sasaran 100 peratus Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (PEB) bagi tahun lepas, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Kementerian itu ialah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar; Kementerian Dalam Negeri; Kementerian Luar; Kementerian Belia dan Sukan; Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air; Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah; Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi serta Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Najib yang juga Menteri Kewangan mengumumkan pencapaian KPI tersebut selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) yang pertama sejak pelancaran Hala Tuju Transformasi Ekonomi 2.0 dan Transformasi Kesejahteraan Bumiputera (TKB) pada 19 April lalu di sini, hari ini.

Katanya, sebanyak 93 KPI PEB, yang diperakukan MEB, yang mempunyai impak tinggi, lebih bersifat berasaskan hasil dengan sasaran yang lebih tinggi telah ditetapkan untuk 25 kementerian, termasuk Jabatan Perdana Menteri bagi tahun lalu.

"Kita mengambil maklum bahawa 23 kementerian telah mencapai sekurang-kurangnya 90 peratus sasaran KPI yang telah ditetapkan," katanya kepada pemberita.

Menurutnya, antara pencapaian utama PEB kementerian dan agensi bagi 2016 adalah apabila sebanyak 63.8 peratus nilai anggaran kerja tahunan telah diperuntukkan kepada kontraktor bumiputera dalam projek pembinaan lebuh raya utama seperti Lebuhraya Pantai Barat (WCE), Duta Ulu Klang Expressway 2 (DUKE2), Lebuhraya Ekspres Lembah Klang Timur (EKVE) dan Lebuhraya Sungai Besi-Ulu Kelang (SUKE).

Yang lain ialah nilai kontrak sebanyak RM1.48 bilion diberikan kepada syarikat bumiputera bagi Projek KL118 Tower (Warisan Merdeka); peningkatan penglibatan syarikat bumiputera dalam Program Pembangunan Vendor; peningkatan peratusan bumiputera dalam pemilikan unit kediaman rumah dan secara kumulatif, jumlah keseluruhan perolehan koperasi bumiputera telah meningkat kepada RM31 bilion dengan peningkatan sebanyak RM2.44 bilion pada tahun lalu.

Najib berkata, KPI PEB kementerian untuk tahun ini pula adalah selari dengan strategi dan sasaran Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) dan Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera 2.0.

Menurutnya, sebanyak 125 KPI Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera telah diperakukan oleh MEB bagi semua kementerian dan Jabatan Perdana Menteri yang berimpak tinggi dan bersifat 'berasaskan keputusan' yang ditetapkan.

"KPI Agenda Pemerkasaan Bumiputera (BEA) bagi 2017 akan memberi tumpuan khusus dalam bidang pembangunan vendor, rantaian bekalan bumiputera dalam sektor strategik, program latihan di bawah Skim Latihan 1Malaysia (SL1M), pembangunan rumah mampu milik serta pengenalan dan penambahbaikan polis bagi pengagihan khusus dan pemerolehan bumiputera," katanya.

Bagi pencapaian KPI 2016 melibatkan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) dan Syarikat Berkaitan Kerajaan terpilih (G20), Najib memaklumkan bahawa lima GLIC and 17 G20 telah mempamerkan satu tahap kematangan dengan hasil yang positif dan lebih memberangsangkan sejak program itu dilaksanakan pada 2014.

Di bawah pelaksanaan KPI BEA GLIC dan G20, tujuh bidang utama terlibat ialah program pembangunan vendor, syarikat utama untuk rantaian bekalan pengagihan khusus, modal insan, pemilikan aset bukan kewangan, pemilikan ekuiti bumiputera dalam sektor korporat serta pemerolehan, katanya.

Sementara itu, lebih 2,000 hadir dalam Majlis Berbuka Puasa bersama Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor di Seri Perdana, Putrajaya, malam ini.

Majlis itu disertai sama oleh menteri-menteri Kabinet, menteri besar dan ketua menteri, duta-duta serta para pemimpin kanan kerajaan.

Turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi; Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein serta Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa. **BERNAMA**



**NAJIB TUN RAZAK bersama para tetamu termasuk menteri kabinet, pegawai kanan kerajaan dan perwakilan asing pada majlis berbuka puasa di Sri Perdana, Putrajaya, semalam. - UTUSAN/RASHID MAHFOF**

**KERATAN AKHBAR**
**SINAR HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 4**
**TARIKH: 30 MEI 2017 (SELASA)**

# Lapan kementerian capai KPI

PUTRAJAYA - Lapan kementerian mencapai sasaran 100 peratus Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (PEB) bagi tahun lalu, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Kementerian itu ialah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar; Kementerian Dalam Negeri; Kementerian Luar; Kementerian Belia dan Sukan; Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air; Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah; Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi serta Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Najib, yang juga Menteri Kewangan mengumumkan, pencapaian itu selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) yang pertama sejak pelancaran Hala Tuju Transformasi Ekonomi 2.0 dan Transformasi Kesejahteraan Bumiputera (TKB), 19 April lalu, semalam.

**INFO**

- **Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera**
- **Capai KPI 100 peratus**

Katanya, 93 KPI PEB, yang diperakukan MEB mempunyai impak tinggi lebih bersifat berasaskan hasil dengan sasaran yang lebih tinggi ditetapkan untuk 25 kementerian termasuk Jabatan Perdana Menteri.

"Kita mengambil maklum 23 kementerian mencapai sekurang-kurangnya 90 peratus sasaran KPI ditetapkan," katanya.



**Najib semasa sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Ekonomi Bumiputera di Perdana Putra, semalam.**

Menurutnya, antara pencapaian utama PEB kementerian dan agensi bagi 2016 adalah apabila sebanyak 63.8 peratus nilai anggaran kerja tahunan diperuntukkan kepada kontraktor Bumiputera dalam projek pembinaan lebuh raya utama seperti Lebuhraya Pantai Barat (WCE), Duta Ulu Klang Expressway 2 (Duke2), Lebuhraya Ekspres Lembah Klang Timur (EKVE) dan Lebuhraya Sungai Besi-Ulu Kelang.

Yang lain ialah nilai kontrak RM1.48 bilion diberikan kepada syarikat Bumiputera bagi Projek KL118 Tower (Warisan Merdeka); peningkatan penglibatan syarikat Bumiputera dalam Program Pembangunan Vendor; peningkatan peratusan Bumiputera dalam pemilikan unit kediaman rumah dan secara kumulatif, jumlah keseluruhan perolehan koperasi Bumiputera telah meningkat kepada RM31 bilion dengan peningkatan sebanyak RM2.44 bilion pada tahun lalu.

Najib berkata, KPI PEB kementerian tahun ini pula selari strategi dan sasaran Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) dan Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera 2.0. - *Bernama*

**KERATAN AKHBAR**
**BERITA HARIAN (MUKA DUA) : MUKA SURAT 2**
**TARIKH: 30 MEI 2017 (SELASA)**



PEMERKASAAN EKONOMI BUMIPUTERA (PEB)

# 8 kementerian capai sasaran 100 peratus KPI

➔ 23 kementerian lagi lepasi 90 peratus tahap KPI ditetapkan

[FOTO MOHD FADLI HAMZAH /BH]




***Najib bersama Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi;*** *Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong dan Ketua Hakim Negara, Tan Sri Md Raus Sharif ketika majlis Berbuka Puasa Bersama Perdana Menteri, Menteri Kabinet, Pegawai Kanan Kerajaan dan Perwakilan Asing di Seri Perdana, Putrajaya, malam tadi.*

Putrajaya

Lapan kementerian mencapai sasaran 100 peratus Petunjuk Prestasi Utama (KPI) ditetapkan Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (PEB) bagi tahun lalu, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Kementerian itu ialah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar; Kementerian Dalam Negeri; Kementerian Luar; Kementerian Belia dan Sukan; Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air; Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah; Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi serta Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Najib, yang juga Menteri Kewangan mengumumkan pencapaian KPI berkenaan selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) yang pertama sejak pelancaran Hala Tuju Transformasi Ekonomi 2.0 dan Transformasi Kesejahteraan Bumiputera (TKB) pada 19 April lalu, di sini, semalam.

Beliau berkata, sebanyak 93 KPI PEB, yang diperakukan MEB, yang mempunyai impak tinggi, lebih bersifat berasaskan hasil dengan sasaran lebih tinggi ditetapkan untuk 25 kementerian, termasuk Jabatan Perdana Menteri bagi tahun lalu.

"Kita mengambil maklum bahawa 23 kementerian sudah mencapai sekurang-kurangnya 90 peratus sasaran KPI yang ditetapkan," katanya kepada pemberita.

## Pencapaian utama

Menurutnya, antara pencapaian utama PEB kementerian dan agensi bagi 2016 adalah apabila sebanyak 63.8 peratus nilai anggaran kerja tahunan diperuntukkan kepada kontraktor Bumiputera dalam projek pembinaan lebuh raya utama seperti Lebuhraya Pantai Barat (WCE), Duta Ulu Klang Expressway 2 (DUKE2), Lebuhraya Ekspres Lembah Klang Timur (EKVE) dan Lebuhraya Sungai Besi-Ulu Kelang (SUKE).

Yang lain ialah nilai kontrak sebanyak RM1.48 bilion diberikan kepada syarikat Bumiputera bagi Projek KL118 Tower (Warisan Merdeka); peningkatan pembabitan syarikat Bumiputera dalam Program Pembangunan Vendor; peningkatan peratusan Bumiputera dalam pemilikan unit kediaman rumah dan secara kumulatif, jumlah, keseluruhan perolehan koperasi Bumiputera meningkat kepada RM31 bilion dengan peningkatan sebanyak RM2.44 bilion pada tahun lalu.

Najib berkata, KPI PEB Kementerian untuk tahun ini pula adalah selari dengan strategi dan sasaran Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMKe-11) dan Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera 2.0.

Beliau berkata, sebanyak 125 KPI Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera diperakukan MEB bagi semua kementerian dan Jabatan Perdana Menteri yang berimpak tinggi dan bersifat 'berasaskan keputusan" ditetapkan.

"KPI Agenda Pemerkasaan Bumiputera (BEA) bagi 2017 akan memberi tumpuan khusus dalam bidang pembangunan vendor, rantaian bekalan Bumiputera dalam sektor strategik, program latihan di bawah Skim Latihan 1Malaysia (SL1M), pembangunan rumah mampu milik serta pengenalan dan penambahbaikan polisi bagi pengagihan khusus dan pemerolehan Bumiputera," katanya.

Bagi pencapaian KPI 2016 membabitkan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) dan Syarikat Berkaitan Kerajaan terpilih (G20), Najib memaklumkan bahawa lima GLIC and 17 G20 mempamerkan satu tahap kematangan dengan hasil yang positif dan lebih memberangsangkan sejak program itu dilaksanakan pada 2014.

## Pembangunan vendor

Di bawah pelaksanaan KPI BEA GLIC dan G20, tujuh bidang utama terbabit ialah program pembangunan vendor, syarikat utama untuk rantaian bekalan pengagihan khusus, modal insan, pemilikan aset bukan kewangan, pemilikan ekuiti Bumiputera dalam sektor korporat serta pemerolehan, katanya.

Antara pencapaian utama yang dicatatkan pada tahun lalu adalah menyerapkan 72 vendor baharu ke dalam Program Pembangunan Vendor berbanding 49 vendor baharu pada 2015, melatih lapan vendor bertaraf jaguh nasional dan satu vendor bertaraf jaguh serantau; melatih 11,888 siswazah di bawah SL1M berbanding 6,422 pada 2015, katanya.

"Selain itu, membina 3,476 rumah mampu milik berbanding 213 rumah pada 2015 dan nilai pemerolehan dari syarikat Bumiputera berjumlah RM13.4 bilion berbanding RM11.8 bilion pada 2015," katanya.

Najib berkata, secara keseluruhan, nilai inisiatif untuk Bumiputera pada tahun lalu berjumlah RM42.1 bilion berbanding RM30 bilion pada 2015, manakala syarikat GLIC dan G20 turut mencatat pencapaian 95.3 peratus sasaran KPI BEA pada tahun lalu.

"Untuk 2017, sasaran KPI BEA adalah lebih tinggi berbanding 2016, di mana KPI yang dirancang akan memberi fokus kepada aspek kualiti, bersifat berdasarkan keputusan serta diselaraskan mengikut operasi teras GLIC dan G20 itu sendiri," katanya.

Antara inisiatif yang disasarkan adalah untuk menyerapkan 25 vendor baharu serta melahirkan 31 jaguh nasional dan dua jaguh serantau, selain melatih seramai 12,690 siswazah di bawah program SL1M serta membangunkan 1,150 buah rumah mampu milik dan menambah baik polisi pemerolehan dan mesra-PKS (perusahaan kecil dan sederhana) dengan nilai sasaran RM11.1 bilion.

Dalam pada itu, Perdana Menteri juga memaklumkan Khazanah Nasional selaku urus setia program akan terus memperkemas struktur penyampaian dan pelaksanaan BEA bagi memastikan manfaat serta kesannya dapat dirasai masyarakat Bumiputera.

**BERNAMA**

**BERITA ONLINE**
**BERNAMA.COM**
**TARIKH: 30 MEI 2017 (SELASA)**

BERNAMA .COM
MALAYSIAN NATIONAL NEWS AGENCY

# 8 Kementerian Capai Sasaran 100 Peratus KPI Di Bawah Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera Pada 2016 - PM Najib

PUTRAJAYA, 29 Mei (Bernama) -- Lapan kementerian berjaya mencapai sasaran 100 peratus Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (PEB) bagi tahun lepas, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Kementerian itu ialah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar; Kementerian Dalam Negeri; Kementerian Luar; Kementerian Belia dan Sukan; Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air; Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah; **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi** serta Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Najib, yang juga Menteri Kewangan mengumumkan pencapaian KPI tersebut selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) yang pertama sejak pelancaran Hala Tuju Transformasi Ekonomi 2.0 dan Transformasi Kesejahteraan Bumiputera (TKB) pada 19 April lalu di sini, hari ini.

Beliau berkata, sebanyak 93 KPI PEB, yang diperakukan MEB, yang mempunyai impak tinggi, lebih bersifat berasaskan hasil dengan sasaran yang lebih tinggi telah ditetapkan untuk 25 kementerian, termasuk Jabatan Perdana Menteri bagi tahun lalu.

"Kita mengambil maklum bahawa 23 Kementerian telah mencapai sekurang-kurangnya 90 peratus sasaran KPI yang telah ditetapkan," katanya kepada pemberita.

Menurutnya, antara pencapaian utama PEB kementerian dan agensi bagi 2016 adalah apabila sebanyak 63.8 peratus nilai anggaran kerja tahunan telah diperuntukkan kepada kontraktor Bumiputera dalam projek pembinaan lebuh raya utama seperti Lebuhraya Pantai Barat (WCE), Duta Ulu Klang Expressway 2 (DUKE2), Lebuhraya Ekspres Lembah Klang Timur (EKVE) dan Lebuhraya Sungai Besi-Ulu Kelang (SUKE).

Yang lain ialah nilai kontrak sebanyak RM1.48 bilion diberikan kepada syarikat Bumiputera bagi Projek KL118 Tower (Warisan Merdeka); peningkatan penglibatan syarikat Bumiputera dalam Program Pembangunan Vendor; peningkatan peratusan Bumiputera dalam pemilikan unit kediaman rumah dan secara kumulatif, jumlah keseluruhan perolehan koperasi Bumiputera telah meningkat kepada RM31 bilion dengan peningkatan sebanyak RM2.44 bilion pada tahun lalu.

Najib berkata KPI PEB Kementerian untuk tahun ini pula adalah selari dengan strategi dan sasaran Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMK-11) dan Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera 2.0.

Beliau berkata, sebanyak 125 KPI Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera telah diperakukan oleh MEB bagi semua kementerian dan Jabatan Perdana Menteri yang berimpak tinggi dan bersifat 'berasaskan keputusan' yang ditetapkan.

"KPI Agenda Pemerkasaan Bumiputera (BEA) bagi 2017 akan memberi tumpuan khusus dalam bidang pembangunan vendor, rantaian bekalan Bumiputera dalam sektor strategik, program latihan di bawah Skim Latihan 1Malaysia (SL1M), pembangunan rumah mampu milik serta pengenalan dan penambahbaikan polisi bagi pengagihan khusus dan pemerolehan Bumiputera," katanya.

Bagi pencapaian KPI 2016 melibatkan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) dan Syarikat Berkaitan Kerajaan terpilih (G20), Najib memaklumkan bahawa lima GLIC and 17 G20 telah mempamerkan satu tahap kematangan dengan hasil yang positif dan lebih memberangsangkan sejak program itu dilaksanakan pada 2014.

Di bawah pelaksanaan KPI BEA GLIC dan G20, tujuh bidang utama terlibat ialah program pembangunan vendor, syarikat utama untuk rantaian bekalan pengagihan khusus, modal insan, pemilikan aset bukan kewangan, pemilikan ekuiti Bumiputera dalam sektor korporat serta pemerolehan, katanya.

Antara pencapaian utama yang dicatatkan pada tahun lalu adalah menyerapkan 72 vendor baharu ke dalam Program Pembangunan Vendor berbanding 49 vendor baharu pada 2015, melatih lapan vendor bertaraf jaguh nasional dan satu vendor bertaraf jaguh serantau; melatih 11,888 siswazah di bawah SL1M berbanding 6,422 pada 2015, katanya.

"Selain itu, membina 3,476 rumah mampu milik berbanding 213 rumah pada 2015 dan nilai pemerolehan dari syarikat Bumiputera berjumlah RM13.4 bilion berbanding RM11.8 bilion pada 2015," katanya.

Najib berkata secara keseluruhan, nilai inisiatif untuk Bumiputera pada tahun lalu berjumlah RM42.1 bilion berbanding RM30.0 bilion pada 2015, manakala syarikat GLIC dan G20 turut mencatat pencapaian 95.3 peratus sasaran KPI BEA pada tahun lalu.

"Untuk 2017, sasaran KPI BEA adalah lebih tinggi berbanding 2016, di mana KPI yang dirancang akan memberi fokus kepada aspek kualiti, bersifat berdasarkan keputusan serta diselaraskan mengikut operasi teras GLIC dan G20 itu sendiri," katanya.

Antara inisiatif yang disasarkan adalah untuk menyerapkan 25 vendor baharu serta melahirkan 31 jaguh nasional dan dua jaguh serantau, selain melatih seramai 12,690 siswazah di bawah program SL1M serta membangunkan 1,150 buah rumah mampu milik dan menambah baik polisi pemerolehan dan mesra-PKS (perusahaan kecil dan sederhana) dengan nilai sasaran RM11.1 bilion.

Dalam pada itu, Perdana Menteri juga memaklumkan Khazanah Nasional selaku urus setia program akan terus memperkemas struktur penyampaian dan pelaksanaan BEA bagi memastikan manfaat serta kesannya dapat dirasai masyarakat Bumiputera.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE**
**BERNAMA.COM**
**TARIKH: 30 MEI 2017 (SELASA)**

BERNAMA.COM
MALAYSIAN NATIONAL NEWS AGENCY
BERNAMA

# 8 Ministries Achieve 100 Per Cent KPI Target Under Bumiputera Economic Empowerment Programme



PUTRAJAYA, 29 May (Bernama) -- Eight ministries achieved the 100 per cent key performance indicator (KPI) target under the Ministry Bumiputera Economic Empowerment (PEB) programme last year (2016), said Prime Minister Datuk Seri Najib Tun Razak.

They are the Natural Resources and Environment Ministry; Home Ministry; Foreign Ministry; Youth and Sports Ministry; Energy, Green Technology and Water Ministry; Rural and Regional Development Ministry; **Science, Technology and Innovation Ministry**; and Women, Family and Community Development Ministry.

Najib, who is also Finance Minister, announced the KPI achievements after chairing the Bumiputera Economic Council (MEB) meeting, the first since the launch of the Economic Transformation Roadmap 2.0 and the Bumiputera Wellbeing Transformation (TKB) Plan on April 19, here today.

He said 93 PEB KPIs, which were endorsed by the MEB, had high impact, mosly based on results with a higher target set for 25 ministries, including the Prime Minister's Department for last year.

"We took note that the 23 ministries had reached at least the 90 per cent KPI target set last year," he told reporters after chairing the meeting.

The Prime Minister said the main achievements of the PEB of ministries and agencies in 2016 were, among others, the awards of 63.8 per cent of the estimated value of annual works to Bumiputera contractors in the construction of major highways such as the West Coast Expressway (WCE), the Duta-Ulu Klang Expressway 2 (DUKE2), the East Klang Valley Expressway (EKVE), and Sungai Besi-Ulu Klang Expressway (SUKE).

He said the others were the awards of contracts worth RM1.48 billion to Bumiputera companies in the construction of the KL118 Tower (Warisan Merdeka); increased involvement of Bumiputera companies in the Vendor Development Programme; increased Bumiputera percentage in house ownership, and cumulatively, the increased total turnover of Bumiputera cooperatives of RM31 billion with an increase of RM2.44 billion last year.

Najib said the PEB KPI for Ministries this year was formulated in line with the strategy and objectives of the 11th Malaysia Plan (11MP) and the Bumiputera Economic Transformation Roadmap 2.0.

He said 125 Bumiputera Economic Empowerment KPIs, which were high-impact in nature and result-based, were approved by the MEB for all ministries and the Prime Minister's Department.

"The Bumiputera Empowerment Agenda (BEA) KPI for 2017 will focus specifically in the areas of vendor development, Bumiputera supply chain in strategic sectors, the training programme under the 1Malaysia Training Scheme (SL1M), the construction of affordable housing, and the introduction and improvement of the Bumiputera specific distribution and procurement policy," he said.

On the 2016 KPI achievements of Government-Linked Investment Companies (GLICs) and selected Government-Linked Companies (G20), Najib said that five GLICs and 17 of G20 demonstrated a level of maturity with positive results and more robust growth since the programme was implemented in 2014.

Under the implementation of the BEA KPI of the GLICs and G20, he said seven key areas involved were vendor development programme, main companies dedicated to the specific supply chain distribution, human capital, ownership of non-financial assets, Bumiputera equity ownership in the corporate sector, and procurement, he said.

Najib said among major achievements registered last year were absorbing 72 new vendors into the Vendor Development Program from 49 in 2015, coaching eight national-champion category vendors and a regional-champion category vendor, and training 11,888 graduates under SL1M from 6,422 in 2015.

In addition, he said 3,476 affordable housing units were built from 213 in 2015 and the procurement of Bumiputera companies amounted to RM13.4 billion compared with RM11.8 billion in 2015.

The Prime Minister said overall, the value of the Bumiputera initiative last year surged to RM42.1 billion compared with RM30.0 billion in 2015, while GLICs and G20 achieved 95.3 per cent of the KPI target set last year.

He said the BEA KPI target for 2017, which was set higher than that of 2016, was designed to focus on the aspects of quality and results, as well as tailored in accordance with the core operations of each GLIC and G20.

The initiatives are aimed at, among others, absorbing 25 new vendors and producing 31 national champions and two regional champions, training 12,690 graduates under SL1M, developing 1,150 affordable housing units, and enhancing the small and medium enterprise (SME) procurement policy with the target value of RM11.1 billion.

Meanwhile, the Prime Minister said as the secretariat, Khazanah Nasional would continue to streamline the structure of the BEA delivery and implementation to ensure that its benefits and impact could be felt by the Bumiputera community.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR**
**NEW STRAITS TIMES (NEWS) : MUKA SURAT 5**
**TARIKH : 30 MEI 2017 (SELASA)**

BUMIPUTERA ECONOMIC EMPOWERMENT

# 8 MINISTRIES FULLY MEET KPI TARGET

## 23 ministries have reached at least 90pc of KPI target, says Najib

**PUTRAJAYA**

EIGHT ministries achieved 100 per cent in their key performance indicator (KPI) under the Ministry Bumiputera Economic Empowerment (PEB) programme last year, said Prime Minister Datuk Seri Najib Razak.

They are the Natural Resources and Environment Ministry; Home Ministry; Foreign Ministry; Youth and Sports Ministry; Energy, Green Technology and Water Ministry; Rural and Regional Development Ministry; Science, Technology and Innovation Ministry; and Women, Family and Community Development Ministry.

Najib, who is also finance minister, announced the KPI achievements after chairing the Bumiputera Economic Council (MEB) meeting, the first since the launch of the Economic Transformation Roadmap 2.0 and the Bumiputera Wellbeing Transformation (TKB) Plan on April 19 here yesterday.

He said 93 PEB KPIs, which were endorsed by MEB, had high impact, mostly based on results with a higher target set for 25 ministries, including the Prime Minister's Department for last year.

"We took note that 23 ministries had reached at least 90 per cent of the KPI target set last year," he said.

Najib said the main achievements of PEB among the ministries and agencies were the awards of 63.8 per cent of the estimated value of annual works to Bumiputera contractors in the construction of major highways, such as the West Coast Expressway, the Duta-Ulu Klang Expressway 2, the East Klang Valley Expressway and Sungai Besi-Ulu Klang Expressway.

He said the others were the awards of contracts worth RM1.48 billion to Bumiputera companies in the construction of the KL118 Tower (Warisan Merdeka); increased involvement of Bumiputera companies in the Vendor Development Programme; increased Bumiputera percentage in house ownership, and cumulatively, the increased total turnover of Bumiputera cooperatives of RM31 billion with an increase of RM2.44 billion last year.

Najib said the PEB KPI this year was formulated in line with the strategy and objectives of the 11th Malaysia Plan (11MP) and the Bumiputera Economic Transformation Roadmap 2.0.

He said 125 Bumiputera Economic Empowerment KPIs were approved by MEB.

"The Bumiputera Empowerment Agenda (BEA) KPI will focus on vendor development, Bumiputera supply chain in strategic sectors, the training programme under the 1Malaysia Training Scheme (SL1M), the construction of affordable housing, and the introduction and improvement of policy for specific distribution and Bumiputera procurement," he said.

On the KPI achievements of government-linked investment companies (GLICs) and selected government-linked companies (G20), Najib said five GLICs and 17 of G20 demonstrated a level of maturity and more robust growth since the programme was implemented in 2014.

He said seven key areas involved were vendor development programme, main companies dedicated to the specific supply chain distribution, human capital, ownership of non-financial assets, Bumiputera equity ownership in the corporate sector, and procurement.

Najib said major achievements registered last year were absorbing 72 new vendors into the Vendor Development Programme from 49 in 2015, coaching eight national-champion category vendors and a regional-champion category vendor, and training 11,888 graduates under SL1M from 6,422 in 2015.

He said 3,476 affordable housing units were built from 213 in 2015 and the procurement of Bumiputera companies amounted to RM13.4 billion compared with RM11.8 billion in 2015.

He said the value of the Bumiputera initiative last year surged to RM42.1 billion compared with RM30.0 billion in 2015, while GLICs and G20 achieved 95.3 per cent of the KPI target set last year. **Bernama**



*Prime Minister Datuk Seri Najib Razak chairing the Bumiputera Economic Council meeting in Putrajaya yesterday. Present is Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.* BERNAMA PIC

**KERATAN AKHBAR**
**THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 2**
**TARIKH: 30 MEI 2017 (SELASA)**

# Eight ministries hit PEB KPI targets

## Agencies awarded 63.8% of estimated value of annual works to bumiputra contractors

**PUTRAJAYA:** Eight ministries hit the maximum Key Performance Indicator (KPI) targets set under the Bumiputra Economic Empowerment (PEB) programme last year.

The eight with 100% KPI targets met were the Home; Natural Resources and Environment; Foreign; Youth and Sports; Energy, Green Technology and Water; Rural and Regional Development; Science, Technology and Innovation; and Women, Family and Community Development ministries.

Prime Minister Datuk Seri Najib Tun Razak made the announcement after chairing the Bumiputra Economic Council meeting, the first since the launch of the Economic Transformation Roadmap 2.0 and Bumiputra Wellbeing Transformation (TKB) Plan on April 19 here yesterday.

"We also took note that 23 ministries reached at least 90% of their KPI targets set last year," he told reporters after chairing the meeting.

Najib added that the main achievement of the ministries and agencies concerned included the awarding of 63.8% of the estimated value of annual works to bumiputra contractors in the construction of major highways such as the West Coast Expressway (WCE), Duta-Ulu Klang Expressway 2 (DUKE2), East Klang Valley Expressway (EKVE) and Sungai Besi-Ulu Klang Expressway (SUKE).

The Prime Minister said the others were the awarding of contracts worth RM1.48bil to bumiputra companies in the construction of the KL118 Tower (Warisan Merdeka); increased involvement of bumiputra companies in the Vendor Development Programme; increased bumiputra percentage in house ownership; and cumulatively, the higher total turnover of bumiputra cooperatives of RM31bil with an increase of RM2.44bil last year.

Najib said the PEB KPI for ministries this year was formulated in line with the strategy and objectives of the 11th Malaysia Plan and the Bumiputra Economic Transformation Roadmap 2.0.

He said 125 PEB KPIs, which were high-impact in nature and result-based, were approved for all ministries and the PM's Department. — Bernama

**KERATAN AKHBAR**
**HARIAN METRO (AGRO) : MUKA SURAT 4**
**TARIKH: 30 MEI 2017 (SELASA)**

> Projek ini berpotensi meraih 2,000 kilogram (kg) bagi setiap hektar tanaman di samping menjana pendapatan RM3,200 sebulan berdasarkan harga belian balik sekitar RM40,000 bagi setiap tuaian
>
> **MADIUS**



TAPAK semaian kacip fatimah dalam rumah pelindung hujan.

# SOAL PASARAN TIDAK JADI MASALAH

Syarikat dijangka beli hasil tuaian basah pada harga RM20 sekilogram



AHLI PPKS antara peserta projek tanaman kacip fatimah bersama Madius.

**FOKUS**

**DARI MUKA 1**

Projek ini juga mampu dilaksanakan ahli PPKS selain mereka tidak perlu bimbang berkenaan kebolehpasaran produk yang dihasilkan kerana jaminan belian balik dari syarikat Bioalpha East Coast Agro Sdn Bhd (BECA).

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau berkata, BCDP yang diumumkan dalam Bajet 2014 menyasarkan sektor huluan dalam rantaian nilai Bioekonomi.

Beliau berkata, BCDP bertujuan membangunkan petani, koperasi dan persatuan yang kurang berkemahiran untuk menjadi Bio Agropreneur dengan memanfaatkan syarikat berstatus BioNexus.

"Selain itu, Program Transformasi Bioekonomi (BTP) sebagai syarikat peneraju bagi menyediakan latihan teknikal, teknologi dan jaminan belian balik.

"Program MSI bagi meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat melalui pelaksanaan projek, perkhidmatan, peningkatan kemahiran atau hasil inovasi menggunakan teknologi sedia ada yang boleh dilaksanakan secara mampan.

"MSI bukan saja dapat memberi manfaat

# KLON KFS001 BAKA BERMUTU TINGGI

**Baka** kacip fatimah yang ditanam ahli PPKS adalah klon terpilih didaftarkan di bawah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) sebagai KFS001 antara baka bermutu tinggi hasil penyelidikan dijalankan.

Ia dikatakan mempunyai jumlah kandungan fenolik yang tinggi selain kadar pertumbuhan yang cepat dan ciri morfologi luaran memberangsangkan (vigour).

Pegawai Penyelidik FRIM Dr Farah Fazwa Md Ariff berkata, kacip fatimah adalah sejenis tumbuhan herba yang sangat popular dalam kalangan masyarakat Melayu, khususnya untuk penjagaan kesihatan kaum wanita terutama selepas bersalin.

Beliau berkata, kajian yang dijalankan menunjukkan herba ini mempercepatkan proses pemulihan, mengembalikan kecergasan selepas bersalin, mengecutkan rahim dan melangsingkan badan.

"Kacip fatimah antara herba yang dikenal pasti untuk dibangunkan di bawah Projek Permulaan (EPP) selaras dengan Program Transformasi Ekonomi (ETP) Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) bertujuan menjana pendapatan komuniti kampung dan pekebun.

"FRIM melihat projek ini dapat menggalakkan penanaman spesies berkenaan bagi memastikan kemampanan bekalan bahan mentah berkualiti tinggi untuk industri herba," katanya.

Dr Farah berkata, FRIM dilantik Bioeconomy Corp sebagai pemberi teknologi iaitu pembekal klon kacip fatimah, memberi khidmat nasihat berkenaan kaedah pembiakan, penjagaan dan penanaman di ladang hingga dapat dituai.

"Mereka diberi latihan menanam dan menghasilkan sendiri baka kacip fatimah menerusi teknik keratan daun menggunakan protokol piawaian yang dibangunkan penyelidik FRIM.

"Selain itu, FRIM turut memberi khidmat nasihat dalam penyediaan sistem batas di rumah keratan dan RPH untuk persediaan penanaman berskala besar," katanya.



KACIP fatimah yang ditanam di ladang Kampung Sagil.

## INFO

**MANFAAT KACIP FATIMAH**

- *Memantapkan tisu yang memerlukan hormon estrogen.*
- *Mengukuhkan struktur tulang melalui penyerapan jisim tulang.*
- *Melewatkan proses penuaan.*
- *Atasi masalah keputihan.*
- *Membantu membuang angin berlebihan di dalam badan.*
- *Melancarkan proses kelahiran bayi.*
- *Mengembalikan kecergasan selepas bersalin.*
- *Membantu mengecutkan rahim.*
- *Berupaya melongsingkan badan menerusi proses menegangkan otot.*



PEGAWAI Penyelidik Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) Dr Farah Fazwa Md Ariff, Dr Farah (empat dari kanan) menerangkan khasiat herba kacip fatimah



LETANDOTETA



MADIUS (dua dari kanan) dan Asojan (empat dari kanan) meninjau tapak semaian.

kepada masyarakat, tetapi juga meningkatkan keupayaaan individu untuk bertindak melalui jaringan kerjasama pelbagai pihak," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Majlis Penyerahan BCDP Projek Penanaman Herba Kacip Fatimah kepada PPKS di Tangkak, Johor, baru baru ini.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Gambir Datuk M Asojan, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Bioeconomy Corp Syed Agil Syed Hashim dan Pengerusi PPKS Datuk Ismail Hamdan.

Madius berkata, dana MSI yang digunakan untuk projek itu termasuk kos latihan, pembinaan rumah pelindung hujan (RPH) dan rumah keratan, pembelian peralatan dan 6,000 baka kacip fatimah berhasil tinggi iaitu Labisia pumila var. alata.

"Ahli PPKS kini mempunyai kemahiran untuk memperbanyakkan baka kacip fatimah melalui kaedah pembiakan tampang secara keratan.

"Saya difahamkan, syarikat terbabit dijangka membeli hasil tuaian kacip fatimah basah pada harga sekitar RM20 sekilogram. Bayangkan sekiranya hasil yang baik sudah pasti mereka memperoleh keuntungan.

"Projek ini berpotensi meraih 2,000 kilogram (kg) bagi setiap hektar tanaman di samping menjana pendapatan RM3,200 sebulan berdasarkan harga belian balik sekitar RM40,000 bagi setiap tuaian," katanya.

## MOSTI BIAYAI PROJEK MSI

Selain itu, katanya, MOSTI sudah membiayai 85 projek MSI (2015) dan 82 projek (2016) yang menyasarkan kelompok khusus seperti wanita, warga emas serta kumpulan pendapatan isi rumah 40 peratus terendah.

"Ia sebahagian daripada usaha MOSTI untuk merakyatkan sains, teknologi dan inovasi (STI) yang sebelum ini hanya dimonopoli golongan penyelidik.

"Sejak dilancarkan, Bioeconomy Corp berjaya memperluaskan pelaksanaan BCDP ke seluruh negara. Hingga April lalu, 33 projek BCDP tengah dilaksanakan membabitkan 1,732 peserta.

"Hingga Disember 2016, Bioeconomy Corp membantu 278 syarikat berstatus BioNexus dan 53 daripadanya bertindak sebagai syarikat utama dalam BTP yang menumpukan kepada projek pembangunan berasaskan bio yang mampan," katanya.

Seorang peserta, Letandoteta Zaidon, 40, berkata, beliau bertuah kerana terpilih menyertai projek penanaman herba kacip fatimah sekali gus dapat menambah pendapatan keluarga.

"Saya juga terbabit secara langsung dalam bidang pertanian yang mengusahakan tanaman sayur sayuran seperti bendi, kacang panjang dan timun.

"Paling penting kena ada minat supaya setiap yang diusahakan itu membuahkan hasil. Penjagaan tanaman kacip fatimah tidak sama dengan tanaman sayur sayuran," katanya.

**KERATAN AKHBAR**
**NEW STRAITS TIMES (NEWS) : MUKA SURAT 11**
**TARIKH : 30 MEI 2017 (SELASA)**




## FINANCIAL AID

Domestic Trade, Cooperatives and Consumerism Ministry secretary-general Datuk Seri Jamil Salleh (second from right) presenting tithes from the Companies Commission of Malaysia (SSM) to a resident at Ar-Rabbani Mosque in Tangga Batu, Melaka, on Saturday. This year, SSM gave out RM70,000 in corporate tithes to the needy. Present were SSM chief executive officer Datuk Zahrah Abdul Wahab Fenner (right) and Tangga Batu member of parliament Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah. PIC BY MUHAMMAD ZUHAIRI ZUBER

# KERATAN AKHBAR
# HARIAN METRO (AGRO) : MUKA SURAT 6
# TARIKH: 30 MEI 2017 (SELASA)




**ANTARA** *ekstrak silika sekam padi dikaji Dr Halimaton untuk pelbagai kegunaan teknologi penyerapan.*



*DR Halimaton yang juga dikenali sebagai 'Profesor Sekam Padi' bersama penemuan baru daripada ekstrak silika sekam padi untuk pelbagai kegunaan teknologi penyerapan*

# SEKAM PADI HASILKAN BAHAN GANTIAN SILIKA

Penghasilan beras tempatan meninggalkan 352,000 tan sekam padi sebagai bahan buangan

**INOVASI**


**Mohamad Hussin**
mohamad_hussin@hmetro.com.my


**Kebanyakan** pesawah membuang atau membakar jerami dan sekam padi kerana menganggap bahan itu tiada nilai komersial.

Kajian penyelidikan mendapati sintesis bahan nano memberikan penggunaan sekam padi yang sangat berguna sekali gus mampu menambah pendapatan pesawah.

Hamdan berkata, habuk silika yang diekstrak Sekolah Razak Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Prof Datuk Dr Halimaton Hamdan berkata, habuk silika yang diekstrak daripada sekam padi digunakan sebagai sumber silika.

Beliau berkata, ia digunakan dalam sintesis pelbagai bahan struktur nano termasuk zeolit, bahan mesoliang dan komposit nano.

"Masalah utama dalam bahan berasaskan silika seperti zeolit dan aerogel ialah sumber, kos dan kualiti bahan mentah utama silika.

"Silika komersial (daripada pasir) yang terdapat dalam bentuk gel, sol, habuk atau pepejal amorfus didapati mempunyai reaktiviti dan selektiviti pelbagai.

"Sejak 10 tahun kebelakangan ini, sekam padi terbukti mampu menghasilkan bahan gantian silika yang sangat aktif," katanya ketika ditemui di UTM, Semarak Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Menurutnya, penyelidikan dan pembangunan (R&D) menggunakan sekam padi didorong harga yang murah dan terdapat banyak bahan mentah selain mencari cara berkesan melupuskan bahan buangan proses penghasilan beras.

"Keperluan yang dijangka bagi tujuan ini ialah sekitar 1,050 tan sekam padi setiap tahun iaitu hanya sebahagian kecil (kurang daripada satu peratus sekam padi sedia ada) dari bahan mentah buangan yang wujud.



*DR Halimaton menunjukkan ekstrak silika sekam padi 'Zeolite'.*

Dijangkakan 70,000 tan silika boleh diekstrak daripada sekam padi yang terdapat dalam negara setiap tahun

**DR HALIMATON**

**SAMBUNGAN...**
**HARIAN METRO (AGRO) : MUKA SURAT 7**
**TARIKH: 30 MEI 2017 (SELASA)**



**EKSTRAK** *silika sekam padi 'Zeolite Berkanji'*




**EKSTRAK** *sekam padi 'Zeolite Y'*

"Ini bermakna tidak akan terdapat kekurangan sekam padi sekiranya ia digunakan untuk penghasilan silika di peringkat loji pandu.

"Penghasilan beras tempatan di negara ini meninggalkan sekitar 352,000 tan sekam padi sebagai bahan buangan," katanya.

Dr Halimaton berkata, sebanyak 20 peratus daripada berat jumlah sekam padi mengandungi silika tulen selepas diesktrak dengan pembakaran pada suhu tinggi yang dikawal dalam mesin pembakar (incinerator).

"Pembakaran pada suhu 700 darjah Celcius menghasilkan silika sangat reaktif yang mengandungi 'tetrahedra $SiO_4$' tulen tanpa kumpulan silanol (SiOH) yang banyak dalam sampel amorfus.

"SiOH seharusnya dihasilkan ketika pengolahan kimia sekam. Kehadiran SiOH dan fasa hablur dalam sumber silika mengurangkan keaktifan silika dalam sintesis zeolit," katanya.

Beliau berkata, sekam padi boleh disediakan dengan suhu terkawal tanpa pengolahan kimia kerana ia sumber silika yang berpotensi tinggi.

> Pengkomersialan produk untuk pertanian yang berasaskan teknologi nano dijalankan melalui usaha sama antara NanoMalaysia dengan pihak industri serta universiti melalui program iNanovation
>
> **DR REZAL**



"Dijangkakan 70,000 tan silika boleh diekstrak daripada sekam padi yang terdapat dalam negara setiap tahun. Sepanjang dua tahun pertama projek ini dijalankan, pembakaran sekam skala pasca makmal untuk menghasilkan beberapa kilogram silika amorfus putih sudah diterokai melalui dua teknik.

"Ia adalah teknik 'Fluidised bed combustion' dan 'Plug flow rice husk silica converter'. Teknik pertama tidak berjaya menghasilkan silika amorfus putih dengan kualiti yang diharapkan iaitu amorfus dan kandungan karbon kurang daripada dua wt peratus.

"Sebaliknya, teknik plug flow berjaya menghasilkan silika amorfus tulen dengan kandungan silika sehingga 20 wt peratus daripada berat asal sekam padi," katanya.

Menurut Dr Halimaton, ia diperolehi melalui pembakaran terkawal sekam padi membabitkan suhu antara 500 hingga 700 darjah Celcius dalam relau berputar dan suhu terkawal yang diubah suai berasaskan hasil kajian makmal sebelumnya.

"Kajian ini menghasilkan pembakar prototaip yang mampu menghasilkan silika amorfus dalam satu langkah berterusan," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif NanoMalaysia Bhd Dr Rezal Khairi Ahmad ketika ditemui di pejabatnya berkata, pihaknya di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) antara agensi yang dipertanggungjawabkan mengkomersialkan teknologi nano dalam bidang pertanian.

"Pengkomersialan produk untuk pertanian yang berasaskan teknologi nano dijalankan melalui usaha sama antara NanoMalaysia dengan pihak industri serta universiti melalui program iNanovation.

"Umpamanya melalui zeolite iaitu hasil penyelidikan UTM, kami menyediakan peluang pelaburan dan khidmat perundingan pengkomersialan zeolite daripada sekam padi.

"Kami menghubungkan UTM dengan penerima teknologi yang berpotensi daripada sektor yang berkaitan bagi pengeluaran dalam skala besar," katanya.

**KERATAN AKHBAR**
**NANYANG SIANG PAU (PRIME NEWS) : MUKA SURAT B3**
**TARIKH: 30 MEI 2017 (SELASA)**

## 首相：关键绩效100%

# 8部门强化土著经济达标

（布城29日讯）首相拿督斯里纳吉指出，去年共有8个政府部门实现百分百的强化土著经济（PEB）关键绩效指标（KPI）。

### 土著经济理事会会议

这8个部门分别是天然资源及环境部、内政部、外交部、青年及体育部、能源、绿色工艺及水务部、乡村及区域发展部、科学、工艺及革新部，以及妇女、家庭及社会发展部。

他是于今年主持土著经济理事会（MEB）会议后，宣布各部门的关键绩效指标表现。

此会议是自土著经济转型方向2.0后的首次会议。

纳吉指出，在强化土著经济计划下，他于去年宣布25个部门包括首相署的93个关键绩效指标。

"去年，共有23个部门达到所设定的至少90%关键绩效指标。"

整体而言，他指共有8个部门成功达到100%所设定的目标。

与此同时，今年强化土著经济计划的关键绩效指标会与大马第11计划的策略和目标一致。

"在强化土著经济计划下，今年共确认所有部门及首相署的125个关键绩效指标。比起去年，今年设定的关键绩效指标更高。"

## 421亿拨予土著

首相表示，去年为了实现官联投资机构（GLIC）和国库控股旗下的20家官联公司（G20）的关键绩效指标，在自2014年开始实施的土著经济振兴议程（BEA）下，有5家官联投资机构和G20当中的17家官联公司已达到成熟水平和有了积极成果，并且更稳健。

"整体而言，相较于前年的300亿令吉，去年共拨出421亿令吉给土著。"

他指出，去年官联投资机构和G20在土著经济振兴议程下，也达成95.3%的关键绩效指标的目标。

首相指称，今年土著经济振兴议程的关键绩效指标的目标将会更高，并且会把重点放在素质方面，以"结果为基础"，并通过官联投资机构和G20的核心工作来协调。

"今年的土著经济振兴议程的关键绩效指标也会根据政策和土著福利转型（TKB）的心愿来拟定，并特别专注在供应商发展、土著供应链的战略领域、一个马来西亚培训计划（SL1M）下的培训、兴建可负担房屋，以及推介和改良土著采购和特约经销的政策。"

他说，国库控股将会继续精简架构和实行土著经济振兴议程，以确保土著社群能享有利益和成果。



纳吉在土著经济理事会会议后，向媒体宣布去年25个部门包括首相署的93个关键绩效指标，左为阿末扎希；右为阿都拉曼达兰。

### 2016年政府部门强化土著经济（PEB）关键绩效指标

- 高达63.8%主要大道工程已分配给土著承包商，例如西海岸大道（WCE）、吉隆坡大使路淡江第二阶段延伸大道（DUKE2）、东巴生谷大道（EKVE）及新街场—淡江高架大道（SUKE）。
- "吉隆坡118大楼"（KL118）工程中有14亿8000万令吉工程合约颁布给土著公司
- 在供应商发展计划中，提高土著企业参与
- 提高土著在拥有房屋的累积百分比
- 土著合作社总收入从前年的24亿4000万令吉增至310亿令吉

### 2016年官联投资机构和20家官联公司（G20）的关键绩效指标

- 吸收72个新供应商进入供应商发展计划，2015年是49家
- 培训8个具国家级水准的供应商及1个具区域水平的供应商
- 在一个马来西亚培训计划下，培训1万1888名毕业生，2015年为6422人。
- 兴建3476个单位可负担房屋，2015年是213单位
- 土著公司采购总额为134亿令吉，相较于2015年是118亿令吉